

Cahaya, Kasih Sayang dan Kegembiraan Sepanjang Perjalanan

Walaupun penuh dengan cabaran dan kesakitan, namun ada juga saat-saat bahagia.

Ibu bapa yang telah lebih lama berada di perjalanan ini akan memberitahu anda bahawa kanak-kanak akan membawa banyak kasih sayang dan kegembiraan ke dalam kehidupan anda.

- Ibu kepada Eleanor, seorang gadis yang mempunyai masalah autisme, berkongsi pengalaman;

Sekiranya Eleanor bersemangat, dia seorang yang sangat menyeronokkan berbanding dua orang lagi anak-anak kerana dia lucu dan nakal. Bila dia dalam suasana yang baik, tiada orang lain yang lebih menggembirakan. Dia umpama cahaya dalam rumah. Dia sungguh memukau dan mengagumkan.'

Menurut ibu Eleanor lagi :

Kadang-kadang Eleanor tidak mahu tidur kerana dia ingin bermain. Dia akan naik ke atas katil, menyelinap ke dalam selimut dan dia akan ketawa dan ketawa serta tidak membenarkan anda keluar dari bilik. Dia akan memegang anda dan menarik anda kembali ke dalam bilik dengan tenaganya yang kuat. Dia seronok bermain dan tidak mahu berhenti.

Dalam keadaan sebegitu, anda sendiri pun tidak mahu Eleanor tidur. Anda mahu keadaan itu berterusan. Apa yang diceritakan ini bukan berkaitan autisme, tetapi personaliti Eleanor.

Ibu Eleanor menekankan bahawa apabila seorang anak telah didiagnosis dengan satu kurang upaya:

Apa yang perlu didengar oleh ibu bapa tentang anak mereka adalah perkara yang baik, kerana minda mereka selalu membayangkan perkara buruk sahaja.

Terdapat banyak 'perkara baik' yang patut diketahui oleh ibu-bapa seperti; pengalaman-pengalaman yang dikongsi oleh;

Bapa Jenny, bercerita tentang Jenny semasa dia berumur 2 tahun

Ketika kami mula mendapat tahu dia anak autisme, dia tidak suka disentuh. Dia akan meronta dan menolak anda. Kini dia inginkan perhatian. Dia cuba mendapatkan sebanyak mungkin perhatian dan suka didakap.

Dan Ibu Jenny;

Jenny pandai bergaul dengan orang lain. Malahan dia mula suka menunjuk-nunjuk. Malam tadi abang saya berada di sini dan Jenny amat suka padanya. Dia berlari ke sana ke mari dan tidak mahu masuk tidur. Dia sekarang sudah mula mahu mencium kami.

Ibu Eleanor:

Semua orang di pusat autisme sukakan Eleanor jadi mereka membuat dia gembira. Dia amat menyayangi ayahnya. Ayahnya juga sangat sayangkan Eleanor. Malahan jejak kaki Eleanor pun disayanginya. Mereka amat bersesuaian antara satu sama lain. Dia sungguh menyenangkan.

Memetik kata-kata ibunya

'Michael selalunya adalah sumber kegembiraan dan dia amat disayangi oleh kami. Banyak yang saya pelajari darinya dan saya amat gembira dia memilih saya sebagai ibunya'.

Kanak-kanak boleh membawa keriang dan gelak tawa di dalam rumah dengan telatah mereka dan pandangan mereka yang unik terhadap dunia, seperti Alex semasa dia berumur 7 tahun.

Ibu Alex berkongsi kegembiraan yang dirasai onlehnya seperti dia melihat anak perempuannya dengan masalah autisme bermula untuk memahami dunia di sekelilingnya dan menggunakan pengalaman ini dalam aktiviti bermain;

'Banyak perkara yang ditonton Alex di tv dicubanya. Dia meniru iklan lampin pakai buang yang menunjukkan dua belon diletakkan dalam lampin yang kemudian dicucuk dengan jarum untuk menguji daya serapan lampin itu. Alex telah mengambil lampin pakai buang adiknya, mengisi plastik pembalut kepala mandi dengan air dan kemudian meletakkannya di atas lampin itu. Pembalut kepala, tidak seperti belon, akan bocor dengan teruknya. Tetapi Alex cerdik, dia meletakkan tuala di bawah lampin. Bila selesai eksperimennya barulah dia mengubah benda-benda itu. Apa sebenarnya yang bermain dalam fikiran Alex sukar difahami namun perbuatannya benar-benar lucu.

Akan ada waktu-waktu yang amat dihargai seperti yang dikongsi oleh ibu Peter:

Peter – 17 tahun

Kami tidak pernah dapat membawa Peter menonton wayang kerana autisme yang dihidapinya membuat dia tidak dapat duduk diam menonton wayang. Namun ketika dia berumur 11 atau 12 tahun saya membuat keputusan mencuba dan mendapati Peter duduk diam menikmati tayangan tersebut. Ceritanya adalah Dick Tracy dan dia amat sukakannya.

Dalam panggung wayang dia merangkul saya, menyengetkan badan dan melihat terus ke dalam mata saya. Ini adalah kontak mata yang sangat menakjubkan, dia merenung tepat ke dalam mata saya seolah berkata 'Ini sangat menyeronokkan, ini sangat bagus'. Dia terus berbuat begitu semasa di dalam panggung dan saya hanya duduk di situ, saya rasa sepanjang cerita saya hanya merenung dia. Saya sangat teruja dan matanya terpaksa merenung skrin sambil ketawa, dia akan ketawa sebelum orang lain berbuat demikian. Amat menakjubkan dia boleh merasakan sesuatu yang lucu sebelum orang lain dapat menangkapnya. Itulah pengalaman yang amat menggembirakan.

Semasa memandu pulang, ibu saya duduk di belakang. Saya memerhatikan dia melalui cermin pandang belakang. Dia merangkul ibu saya, menyengetkan badan dan melihat terus ke dalam matanya dan tersenyum padanya. Ibu hampir –hampir menangis. Dia tidak dapat mempercayai apa yang dilihatnya. Saya juga hampir menangis. Ibu berkata, "Dia tak pernah buat begini, dia tak pernah sekalipun menyentuh saya". Ini terlalu hebat.

Kanak-kanak juga menyebarkan kasih dan ketawa mereka di mana saja mereka pergi dan membawa kegembiraan ke dalam dunia orang lain;

Ibu John bercerita tentang John, 22 tahun:

John memang kelakar. Dia sukakan perkara-perkara yang lucu dan ketawa terbahak-bahak. Dia sangat disenangi dan ketawanya menghiburkan. Kerap kali kami dengar dia ketawa di gereja bila paderi berkata sesuatu yang melucukan. Orang-orang di gereja sukakan John.

John – 22 tahun

Semasa John menyambut hari jadi nya yang ke-21 hampir 2 tahun lalu, dia menghantar jemputan kepada 150 orang. Saya mencadangkan supaya dia membuat senarai tetamu yang dia mahu. Dia membuat senarai tetamu dari gereja. Dia membuat senarai tetamu dari stesen keretapi dan dari sekolah. Dia pernah terlibat dengan Olimpik Istimewa. Lebih 100 orang tetamu yang hadir. Dia memberi ucapan, dia menyanyi. Semuanya begitu teratur. Pendandan rambut saya pergi ke gereja dan dia mengenali John. Pada mulanya, dia tidak tahu saya ialah ibunya tetapi selepas itu kami berbual dan dia mula mengetahui. Jadi, dia memberitahu saya tentang John dan betapa mereka menyukai John disitu, bagaimana nyanyian John lebih baik dari orang lain di gereja dan sifatnya yang peramah.

Kasih sayang dan kegembiraan yang dirasakan oleh ibu bapa juga daripada orang lain yang pernah bergaul dengan anak mereka:

Seperti yang dikongsi oleh ibu Joseph;

'Joseph (7 tahun) sayangkan kawan-kawan sekolahnya. Dia berlari ke dalam kelas dan gembira bertemu mereka kerana mereka baik dengannya. Jika dia bersedih, kawan-kawannya akan memainkan muzik dan menyanyikan lagu untuknya. Mereka sangat baik.'

Selalunya cinta datang dari kebaikan yang tidak terjangka dan pertimbangan orang lain;

Ibu Eleanor:

‘Salah seorang daripada jiran kami perasan bahawa Eleanor selalu keluar ke halaman di tengah malam dan suka melihat lampu di ruang tamu mereka. Eleanor menyukai lampu itu jadi jiran kami selalu membiarkan langsir terbuka. Mereka sangat baik.’

Sebagai seorang juru terapi pertuturan, saya suka bekerja dengan kanak-kanak istimewa. Walaupun saya sudah menjadi juru terapi lebih 30 tahun, saya terus belajar dengan setiap kanak-kanak. Mereka boleh mengajar kita tentang kasih sayang, bagaimana untuk ketawa dan keutamaan.

Seperti yang dikongsi oleh ibu Richard;

“Sebagai ahli keluarga, kita juga perlu terus ketawa. Dan saya rasa, itu adalah sebab saya menyukai Olimpik Istimewa. Ia adalah atmosfera yang sangat positif dan kami semua ketawa. Kami sedar bahawa terdapat perkara lain dalam hidup. Saya rasa ia membuatkan anda untuk lebih menerima. Seluruh keluarga sekarang terlibat dengan Olimpik Istimewa, Richard, 2 orang abangnya dan bapanya.”

Ramai ibu bapa juga telah berkongsi bagaimana perjalanan ini telah membolehkan mereka untuk melihat perkara-perkara dalam cahaya yang berbeza, termasuk diri sendiri;

Ibu Michael;

Saya telah mengamalkan lebih kepada pendekatan “pergi dengan aliran” (*go with the flow*) dan saya mendapati bahawa ia mewujudkan persekitaran yang tenang dan gembira di mana perkara-perkara kecil tidak penting lagi. Saya berpendapat bahawa ibu bapa kanak-kanak kurang upaya mempunyai perspektif yang ganjil rasanya dan rasa lucu yang menyebabkan saraf mereka bertapak kukuh di soket saraf mereka.

Ibu Peter : 17 tahun

Anda mempunyai komunikasi yang menakjubkan ini di antara anda berdua. Orang lain berkata kepada saya, 'Anda mempunyai kesabaran yang luar biasa.' Saya benar-benar seorang yang tidak sabar. Saya tidak mempunyai apa-apa kesabaran dengan sesiapa juga, tetapi mengapa saya mempunyai kesabaran dengan Peter dan bukan dengan orang lain?

Saya sentiasa bersabar dengan Peter. Dia tidak boleh mengatasi kebimbangannya. Ia adalah sesuatu yang saya akan lakukan.

Ya, sebagai ibu bapa kepada anak yang mempunyai kekurangan, akan ada ujian dan cabaran tetapi anak itu akan membawa banyak cahaya, kasih sayang dan kegembiraan ke dalam hidup anda.

Akhirnya, memetik kata-kata ibu Alex yang kini berumur 22 tahun;

Jika saya mengimbas kembali 22 tahun ini, kami selalu ketawa. Ketawa yang prihatin untuk Alex, dengan Alex, untuk kami dan orang-orang hebat yang kami jumpa kerana Alex. Ianya suatu anugerah.